

Headline	Sasar sifar kes HIV, AIDS menjelang 2020		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	20 Sep 2015	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	26	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	79 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,816
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,448



Kuala Lumpur

Sasar sifar kes HIV, AIDS menjelang 2020

Malaysia yakin mampu mencapai sasaran pengurangan kadar kes HIV dan AIDS dalam kalangan penagih kepada sifar menjelang 2020 seperti yang dicapai kebanyakan negara maju lain.

Pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Pencegahan dan Rawatan Ketagihan (ICAPT) 2015 Dr Rusdi Abd Rashid berkata, sasaran itu diberikan selepas melihat kejayaan Malaysia mencapai kesemua lapan agenda dalam Matlamat

Pembangunan Millennium (MDG) yang digariskan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun ini.

“Kita sudah mencapai sasaran itu termasuk MDG#6 pada tahun ini iaitu mengawal penularan HIV dan AIDS terutama dalam kalangan penagih dadah dan mencapai tahap akses universal bagi rawatan masalah itu di Malaysia.

“Malaysia sudah mencapai sasaran ini yang membolehkan kita berada pada landasan untuk

mencapai wawasan 2020,” katanya pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mengenai Pencegahan dan Rawatan Ketagihan (ICAPT) 2015 di Pusat Konvensyen Telekom Malaysia (TMCC) di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden Persatuan Doktor Perubatan Islam Malaysia Dr Datuk Ahmad Shukri Ismail serta Pengarah Pusat Penyelidikan Sains Penagihan Universiti Malaya (UMCAS) Prof Mohamad Hussain Habil.